

12 NOV 1997

Malaysia-Petronas

MALAYSIA SEDIA MENERIMA WAKIL AS BERHUBUNG ISU PETRONAS

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Kementerian Luar hari ini berkata ia sedia menerima kedatangan Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) bagi Tenaga, Sekatan dan Komoditi, William Ramsay yang dijangka tiba minggu depan untuk menjelaskan Akta Sekatan Iran-Libya.

Menurut satu kenyataan daripada Wisma Putra di sini, hari ini, "memandangkan penjelasan daripada Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur bahawa objektif lawatan William Ramsay ialah untuk menjelaskan rasional di sebalik Akta Sekatan Iran-Libya, Wisma Putra sedia menerima beliau untuk memberi penjelasan".

Akta Sekatan Iran-Libya, antara lain memerlukan kerajaan AS mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat yang melabur lebih AS\$20 juta setahun di sektor gas dan minyak Iran.

Syarikat petroleum nasional, Petronas bersama syarikat Total SA dari Perancis, Gazprom dari Russia, Bow Valley dari Kanada dan Bakrie Group dari Indonesia telah melabur lebih AS\$2 bilion (RM6.6 bilion) dalam pengeluaran gas asli di South Pars di Iran.

Penglibatan Petronas dalam urusan itu menyebabkan AS mengarahkan pasukan penyiasat dihantar ke Malaysia untuk menyiasat sama ada Petronas telah mencabuli akta negara itu dan tindakan itu dibantah oleh pelbagai pihak di negara ini.

Menurut kenyataan itu lagi, Wisma Putra diberitahu secara rasmi hari ini yang Ramsay "mahu melawat Malaysia untuk bertemu dengan pegawai-pegawai Wisma Putra dan menjelaskan pendirian" kerajaan AS terhadap Akta itu.

Wisma Putra juga mengulangi bahawa pendirian kerajaan Malaysia mengenai akta dari negara itu ialah "ia tidak boleh digunapakai terhadap Malaysia kerana ia adalah undang-undang Amerika Syarikat yang hanya berkuatkuasa pada rakyat dan syarikat-syarikat negara itu."

Setiausaha Rendah AS bagi Perdagangan Stuart Eizenstst di petik sebagai berkata yang Petronas kemungkinan menghadapi sekatan jika urusniaganya dengan Iran bercanggah dengan akta itu.

Kenyataan Wisma Putra itu yang dikeluarkan beberapa jam selepas mesyuarat mingguan Kabinet pada hari ini turut menyatakan yang pelaburan Petronas di Iran dibuat mengikut undang-undang Malaysia dan antarabangsa.

"Oleh itu, Petronas tidak boleh dikenakan siasatan oleh AS ataupun oleh pihak berkuasa asing lain," menurut kenyataan satu mukasurat itu.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pegawai-pegawai AS yang menyiasat urusan Petronas di Iran akan dibenarkan datang ke Malaysia tetapi sebelum itu mereka perlu menyatakan apa yang mereka mahu tanya.

Dr Mahathir juga berkata "jika mereka (AS) mahu menghalang kita, mereka mesti menghalang Perancis dan Russia juga."

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pula berkata di Parlimen semalam bahawa kerajaan akan membuat keputusan mengenai tindakan AS terhadap Petronas di mesyuarat mingguannya hari ini. -- BERNAMA

ES PR